



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ الْاِئْمَانِ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

03 JAMADILAWAL 1445H/ 17 NOVEMBER 2023M

MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Kementerian Dalam Negeri

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK: 16.11.2023

PEGAWAI PENYEMAK: SHAZLINA BINTI ABDUL RAHMID
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 16/11/23

DIBACA PADA:

DILULUSKAN OLEH:

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :
ذَلِكَ أَلَكْتُبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ
(البقرة 2:2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan sidang jemaah sekalian untuk bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan semua larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekalan yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun di akhirat. Khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk :
“Memelihara Kesucian al-Quran Tanggungjawab Bersama”.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN

Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi kita Muhammad SAW dalam bahasa Arab melalui perantaraan Jibril AS, seterusnya

disampaikan kepada kita secara mutawatir yang didahului surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nas . Membacanya pula diberi penilaian satu ibadat. Allah SWT menurunkan al-Quran sebagai panduan hidup manusia sebagaimana firman-Nya:

ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ ۚ فِيهِ ۚ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Yang bermaksud: *“Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa;”*. (QS. al-Baqarah , ayat 2)

Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah SWT, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman. Sesungguhnya penurunan al-Quran adalah anugerah Allah SWT kepada kita dan semestinya kita perlu bersyukur ke hadrat-Nya sebagaimana firman-Nya menerusi ayat pertama surah al-Kahf:

ٱلْحَمْدُ لِلّٰهِ ٱلَّذِي ٱنزَلَ عَلٰى عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُۥ عَوَجًا

Maksudnya: *“Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci Al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong).”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Tahukah kita bahawa al-Quran adalah satu khazanah terbesar yang dikurniakan Allah SWT kepada Baginda Rasulullah SAW? Satu keistimewaan al-Quran berbanding kitab *samawi* yang lain ialah nas-Nya dipelihara oleh Allah SWT. Firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*” (QS al-Hijr, ayat 9)

Sesungguhnya wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat RA dalam kalangan penulis wahyu, seperti nama yang masyhur **Zaid Ibnu Thabit RA**. Dalam satu riwayat disebutkan Zaid Ibnu Thabit berkata: “*Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW dan Baginda membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: “Bacalah kepadaku apa yang telah engkau tulis.” Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetul. Kemudian aku membawa wahyu tersebut keluar untuk dibaca kepada manusia.*” (**HR .Tabarani**)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Abu Bakar al-Siddiq RA iaitu selepas peperangan Al-Yamamah, sebuah peperangan menentang golongan murtad. Dalam peperangan tersebut, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid. Melihat perkara ini, Umar al-Khattab RA mencadangkan kepada Abu Bakar as-Siddiq RA untuk mengumpulkan al-Quran. Setelah dipersetujui maka tugas mengumpul dan menulis al-Quran diberi kepada dua orang sahabat iaitu Umar al-Khattab RA dan Zaid Ibnu Thabit RA. Menurut Imam Sayuti, Zaid Ibnu Thabit RA tidak akan

menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan terlebih dahulu dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah SAW dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata.

Catatan sejarah semasa pemerintahan Khalifah Uthman Ibn Affan RA, berlaku perselisihan bacaan al-Quran dalam kalangan umat Islam. Setiap mereka mendakwa bahawa bacaan al-Quran merekalah yang betul dan bacaan lain adalah salah. Justeru, satu lajnah telah dibentuk untuk menyalin Mushaf. Lajnah tersebut dianggotai oleh Zaid Ibnu Thabit RA, Abdullah Ibnu al-Zubair, Said Ibnu al-'As dan Abdul Rahman Ibnu Harith. Mereka menyalin al-Quran kepada beberapa mushaf seterusnya dihantar ke kota-kota Islam bersama-sama dengan seorang guru. Ini bertujuan agar umat Islam bersatu-padu dan tidak berpecah belah dengan sebab bacaan al-Quran.

Penulisan mushaf selepas itu melalui proses yang sama iaitu ditulis dan disemak dengan penuh teliti demi memastikan semua ayat al-Quran adalah sahih dan tepat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 (Akta 326). Menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Teks Penilaian al-Quran (Lajnah Tasheh al-Quran) yang dianggotai 35 orang terdiri daripada kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran. Jawatankuasa ini berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum ianya dibenarkan atau diluluskan untuk dicetak.

Ketelitian lajnah dalam menyemak deraf cetakan al-Quran adalah melibatkan beberapa perkara penting iaitu mesti menepati kaedah penulisan Rasm Uthmani aliran Abu Daud Sulaiman Ibn Najah dan Abu Amru al-Dani. Seterusnya menepati kaedah Ilmu Dabt aliran Khalil Ibnu Ahmad al-Farahidi dan ulama' Masyariqah, dan juga mesti berteraskan mushaf yang diterbitkan di Madinah al-Munawwarah dan yang diterbit daripada Universiti al-Azhar, Mesir. Hanya deraf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran bagi mendapatkan kelulusan cetak.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dari aspek penguatkuasaan, amalan di negara kita telah memberi mandat kepada pihak KDN di negeri-negeri yang akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan. Seterusnya melakukan penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan percetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

Manakala dari aspek kualiti, pihak KDN mewajibkan setiap penerbit menggunakan kertas yang berkualiti untuk cetakan mushaf, mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu kaedah penandaan ayat atau bacaan, dan juga garis panduan penamaan judul mushaf.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN

Tanggungjawab memelihara ketepatan cetakan mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan dengan

orang ramai. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewangan dan pemalsuan maka orang ramai hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran. Jika didapati sebaliknya, maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan siasatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Akhir sekali marilah kita sama-sama mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan demi menjaga kemaslahatan ummah dan menjaga kesucian mushaf al-Quran melalui firman Allah SWT :

وَأْتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ ۗ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ ۗ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُونِهِ
مُلْتَحَدًا

Maksudnya: *“Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimahNya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya.”* (QS al-Kahf ayat 27)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sebelum khatib melabuhkan khutbah minggu ini, khatib turut mengimbau tentang peranan dan tanggungjawab kita terhadap nasib saudara akrab kita khususnya di Palestin saat ini. Sebagai seorang manusia, kita akan mempertahankan hak yang dimiliki, seterusnya akan bertindak menentang sesiapa yang mengancam keselamatan diri, keluarga apatah lagi tanah air demi mendapatkan kehidupan bahagia dan ketenangan.

Sebagai Mukmin yang mempunyai kesempurnaan iman, sewajarnya kita akan memperjuangkan perkara yang sama untuk saudara Islam yang lainnya khasnya mereka yang tertindas di sana. Bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “ *Tidak sempurna iman seseorang kamu melainkan dia mengasihi sesuatu bagi saudaranya, sebagaimana dia mengasihi perkara tersebut bagi dirinya sendiri*” (HR.al-Bukhari).

Perhatikanlah bahawa sesungguhnya kezaliman, penindasan dan kekacauan yang sedang melanda saudara Islam kita di sana, bukanlah hanya satu ujian untuk mereka sahaja, namun hakikatnya tanpa disedari ia juga ujian kepada kita yang sedang menikmati keamanan di sini. Ujian untuk kita itu adalah sejauhmana kita mampu memenuhi tanggungjawab sebagai saudara seagama kepada mereka yang berada dalam peperangan, atautah kita sekadar berdiam diri membatu, berpeluk tubuh mahupun sekadar melepaskan keluhan tanpa menitipkan sebarang doa mahupun sumbangan kepada mereka.

Justeru khatib menyeru kepada semua saudara seagama di negeri ini agar kita terus istiqamah bermunajat kepada Allah SWT. Jangan lupa untuk merafakkan doa dan Qunut Nazilah pada setiap solat fardhu agar keselamatan dan kemenangan berpihak kepada saudara akrab kita yang mempertahankan bumi barakah Palestin. Ingatlah bahawa setiap manusia itu akan dinilai, dipertanggungjawabkan dan seterusnya menerima balasan berdasarkan amalnya, dan tidak seorangpun yang dapat menolong mereka selain Allah SWT di akhirat kelak. Sepertimana penegasan Allah SWT menerusi firman-Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 134 :

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا
يَعْمَلُونَ

Yang bermaksud : 'Mereka itu adalah satu umat yang telah lalu sejarahnya; bagi mereka (balasan) apa yang mereka telah usahakan, dan bagi kamu pula (balasan) apa yang kamu usahakan; dan kamu tidak akan ditanya (atau dipertanggungjawabkan) tentang apa yang telah mereka lakukan”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَهُ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com